

Malaysia tak menjurus ke arah krisis: Zeti

» Negara perlu sesuaikan diri dengan ekonomi global perlahan

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Shahrizan Salian
bhbiz@bh.com.my

► Kuala Lumpur

"Kita tidak boleh sentiasa dalam keadaan yang baik," kata Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz sambil menyatakan Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan ekonomi global yang perlahan, tetapi menegaskan negara tidak menghadapi krisis kewangan.

Beliau berkata, ekonomi Malaysia pada masa ini berada di kedudukan lebih kukuh berbanding

ketika krisis Asia 1997-1998 dan negara kini memasuki kelembapan global dari sudut kekuatan, bukan kelemahan.

Menangani kebimbangan orang awam, gabenor bank pusat itu berkata, kejatuhan mendadak nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) adalah disebabkan oleh tiga faktor utama, termasuk 'isu tempatan'.

120 mata wang terjejas

Namun, katanya, penurunan itu bukan hanya membabitkan ringgit, tetapi ia turut menjejaskan kira-kira 120 mata wang lain di seluruh dunia.

"Kebanyakan adalah di luar kawalan kita. Ini bukti daripada fakta bahawa dolar AS telah mengukuh berbanding lebih 120 mata wang lain," katanya dalam temu bual eksklusif bersama akhbar kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Zeti menjelaskan, kira-kira AS\$28 bilion sudah mengalir keluar dari negara ini sejak September

tahun lalu, namun menegaskan sebelum ini, AS\$60 bilion dana asing masuk ke negara ini antara 2009 dan 2014.

"Pada dasarnya, ekonomi Malaysia kekal baik. Negara kita tidak menjurus ke arah krisis. Kita



Pada dasarnya, ekonomi Malaysia kekal baik.

Negara kita tidak menjurus ke arah krisis.

Kita mempunyai lebih dalam akaun semasa, tahap pengangguran rendah, kadar tabungan tinggi dan tahap hutang luar negara kita secara relatifnya rendah"

Zeti Akhtar Aziz,
Gabenor Bank Negara

mempunyai lebih dalam akaun semasa, tahap pengangguran rendah, kadar tabungan tinggi dan tahap hutang luar negara kita secara relatifnya rendah.

Justeru, tidak ada azab dan kesuraman? "Tidak, ia tidak. Kita tidak memberikan satu gambaran bahawa segala-galanya adalah baik.

Urus persekitaran sukar

"Kita menggambarkan satu tempoh sangat mencabar yang kita berjaya menguruskannya setakat ini. Oleh itu, sektor swasta dan pengguna juga harus belajar untuk menguruskan persekitaran sukar dan mencabar seperti ini.

"Jika kita tidak melakukan semua perkara yang kita lakukan untuk mengukuhkan sektor perbankan, membangunkan pasaran kewangan dan mempelbagai ekonomi, kita akan menjadi lebih teruk lagi," katanya.

Zeti berkata, hutang isi rumah negara kini berada pada 87 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan telah stabil manakala pinjaman tidak berbayar kekal rendah pada 1.5 peratus.

Katanya, hutang tanpa cagaran menjadi sederhana, manakala pertumbuhan pinjaman peribadi dan kad kredit kini berkembang pada kadar tiga hingga empat peratus daripada lebih 15 peratus sebelum ini.

Diminta mengulas dakwaan Persatuan Pemaju Hartanah dan

Perumahan Malaysia (REHDA) baru-baru ini bahawa jualan rumah merosot disebabkan garis panduan pinjaman BNM yang ketat, beliau berkata, peraturan pinjaman perumahan dan lain-lain pinjaman adalah perlu.

"Bank Negara mempunyai garis panduan yang kita rujuk sebagai garis panduan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab, yang memerlukan institusi membuat penilaian kemampuan.

"Ini bermakna peminjam mesti membuktikan mereka mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman kerana kita tidak mahu rumah mereka ditarik apabila gagal membayar balik pinjaman atau sehingga ia menyebabkan kebangkrutan," katanya.

Zeti turut menasihati semua pihak sama ada kerajaan, sektor perniagaan mahupun rakyat supaya membuat pelarasan perbelanjaan dalam suasana ekonomi semasa.

"Semua orang perlu menyesuaikan diri. Setiap individu perlu belajar bagaimana untuk memulihara dan berjimat. Jika mereka menghadapi tekanan kewangan, maka mereka perlu mengambil kesempatan daripada kemudahan yang kita ada," katanya.

► **Bijak urus kewangan dalam tempoh mencabar**
- RENCANA MUKA 32, 33